



SIRI PENERBITAN IIM



**ETIKA DAN  
INTEGRITI  
DI MALAYSIA**

Isu dan Cabaran

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

**PENYUNTING:**

Mazilan Musa

Izal Arif Zahrudin

Suzanna Che Moin

1.595  
ETI



# ETIKA DAN INTEGRITI DI MALAYSIA

*ISU DAN CABARAN*

PUSTAKA PERDANA



1007099



**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

**ETIKA DAN INTEGRITI DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN**

Cetakan Pertama 2005

Cetakan Kedua 2005

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Etika dan integriti di Malaysia : isu dan cabaran

Mengandungi rujukan bibliografi

ISBN 983-42504-0-1

1. Civil service – Corrupt practices – Malaysia.      2. Civil service ethics—  
 Malaysia.      3. Public administration—Malaysia.  
 351.595

© Hak cipta Institut Integriti Malaysia (IIM) (644452-P)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Rupa Taip Teks : Garamond

Saiz : 13

Diterbitkan oleh:

Institut Integriti Malaysia

Aras 1, Menara Integriti

Persiaran Duta Off Jalan Duta

50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-6209 2000

Fax: 03-6209 2067/6203 1005

Emel: [integriti@iim.com.my](mailto:integriti@iim.com.my)Laman Web: [www.iim.com.my](http://www.iim.com.my)

# KANDUNGAN

*Muka Surat*

Mandat YAB Perdana Menteri	v
Perutusan	xi
Prakata	xv
Pengenalan	xvii

## **Bahagian I : Konsep Dan Falsafah Integriti**

Pelan Integriti Nasional (PIN) <i>Datuk Dr. Sulaiman Mahbob</i>	3
--	---

Muafakat Pengurusan Pendekatan Teori I <i>Prof. Dr. Sidek Baba</i>	15
---	----

## **Bahagian II : Ke Arah Mengurangkan Gejala Rasuah**

Badan Pencegah Rasuah (BPR) Dalam Membasmi Rasuah Di Malaysia <i>Datuk Seri Zulkipli Mat Noor</i>	29
---	----

Membina Integriti Untuk Memerangi Rasuah <i>Haji Mustafar Haji Ali</i>	53
---	----

## **Bahagian III : Ke Arah Meningkatkan Penyampaian Khidmat Awam**

Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Awam : Misi Dan Visi <i>Tan Sri Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri</i>	65
--	----

Nurturing The Integrity Culture : Administrative Perspective 81  
*Tau Sri Datuk Amar Hamid Bugo*

#### **Bahagian IV : Ke Arah Meningkatkan Tahap Tadbir Urus Korporat**

Corporate Governance : Towards Preserving Financial Stability 93  
And Sustainable Growth  
*Tau Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz*

Etika Dan Keuntungan 103  
*Dato' Zarinah Amwar*

Tanggungjawab Sosial : Ke Arah Membina Masyarakat 119  
Korporat Prihatin  
*Mazilan Musa*

#### **Bahagian V : Peranan Institusi Sosiobudaya Dalam Meningkatkan Integriti**

Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan Dalam Pembentukan 131  
Masyarakat Malaysia Yang Berintegriti : Peranan FOMCA  
*Marimuthu Nadason*

## MANDAT YAB PERDANA MENTERI

Melalui rancangan dan pelaksanaan pelbagai dasar oleh para pemimpin sejak mencapai kemerdekaan hampir 47 tahun yang lalu, Malaysia telah berjaya mencipta pertumbuhan ekonomi yang pesat. Ini telah membawa kemakmuran kepada segenap lapisan rakyat. Taraf hidup golongan berpendapatan rendah semakin bertambah baik dengan pengurangan kadar kemiskinan. Kejayaan ekonomi negara telah juga membesarkan saiz kelas menengah di Malaysia. Ia juga telah membawa kepada kewujudan satu kelas korporat dan usahawan Malaysia yang semakin disegani.

Namun, transformasi ekonomi negara telah meninggalkan kesan ke atas struktur sosial (*social fabric*) negara. Arus pemodenan sedikit sebanyak telah mengakibatkan hakisan ke atas sistem nilai atau “*value system*” masyarakat Malaysia. Hakikat ini boleh dilihat dalam sikap tidak bertanggungjawab dan kurang kepekaan sivik seperti gelagat ketika di jalanan, pencemaran alam sekitar, merosakkan kemudahan awam, perkhidmatan kaunter yang kurang mesra pelanggan, amalan melompat “*queue*” atau barisan, dan sebagainya.

Dalam pada itu, mentaliti materialistik yang suka kepada jalan mudah dan ingin cepat kaya, juga semakin menular dalam budaya masyarakat Malaysia. Ini membawa kepada masalah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Pelbagai kajian yang dilakukan oleh Kerajaan dan juga pihak lain telah menarik perhatian kepada masalah ini. Contohnya, satu kajian mengenai persepsi umum terhadap gejala rasuah Malaysia pada tahun 2002 mendapati bahawa 15 peratus daripada 7,594 responden mengaku telah terbabit secara langsung dalam aktiviti rasuah. Lebih kurang 20 peratus pula telah menyaksikan aktiviti rasuah. Disebabkan keengganan saksi untuk melaporkan salah laku, jumlah sebenar mereka yang terlibat dengan rasuah mungkin lebih tinggi lagi daripada apa yang dilaporkan.

Berlakunya rasuah dan penyelewengan tidak selari dengan kehendak rakyat untuk hidup dalam masyarakat yang beretika dan bebas daripada rasuah. Kerajaan amat prihatin terhadap aspirasi rakyat dan komited untuk membawa perubahan kepada masyarakat yang inginkan suasana yang aman dan harmoni. Ini merupakan amanah rakyat kepada pihak

Kerajaan yang telah dipilih oleh mereka.

Kerajaan perlu menangani masalah ini secara menyeluruh dan menyuburkan semula nilai-nilai murni dalam segala tingkah laku dan tindakan. Kekayaan kebendaan tidak bererti sekiranya anggota masyarakat Malaysia muflis dari segi nilai moral, etika dan integriti.

Kerajaan juga sedar bahawa terdapat persepsi umum bahawa gejala rasuah semakin bertapak dalam masyarakat kita masa kini. Kita sering terdengar mengenai pembayaran 'duit kopi' untuk menyegerakan sesuatu permohonan atau melepaskan diri daripada membayar saman trafik dan seumpamanya. Selain daripada itu terdapat juga aduan mengenai kes-kes rasuah, pecah amanah atau salah guna kuasa yang melibatkan tokoh-tokoh korporat atau politik.

Kes-kes seperti ini tidak sepatutnya berlaku. Namun begitu, sekiranya berlaku ia harus ditangani segera dengan mengambil langkah punitif. Dalam pada itu, kita mesti memastikan bahawa prosedur-prosedur yang sewajarnya diambil dan siasatan yang teliti dijalankan demi mempertahankan keadilan. Penangkapan beberapa orang tokoh korporat, ahli politik dan pegawai pentadbiran awam bersabit kes rasuah atau pecah amanah sering menjadi berita yang diikuti ramai. Namun begitu, kita tidak perlu terbawa-bawa dengan prasangka atau emosi dalam menangani masalah ini. Kita juga perlu elakkan suspek daripada diadili melalui media (*trial by media*). Demi menegakkan keadilan, seseorang itu tidak dianggap bersalah selagi kesalahannya tidak disabitkan oleh pihak mahkamah.

Bagi mengelakkan perkara di atas daripada berlaku, pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah diarahkan untuk menyegerakan siasatan ke atas kes-kes rasuah yang dibawa kepada mereka '*without fear or favour*' tanpa mengorbankan aspek ketelitian. Sememangnya, prinsip yang mendasari segala tindakan punitif adalah keadilan atau '*justice and fairness*'. Oleh itu, kita harus berlaku adil kepada yang dituduh selagi dia belum lagi dibuktikan bersalah.

Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya menunggu aktiviti rasuah berlaku sebelum mengambil tindakan. Kita boleh mengambil langkah-langkah pencegahan dengan membawa perubahan kepada elemen-elemen yang memberi ruang dan peluang untuk rasuah berlaku. Pepatah Inggeris ada mengatakan "*prevention is better than cure*". Strategi Kerajaan dalam pencegahan adalah bersifat serampang dua mata.